**KOSMO – JUMAAT 6 APRIL 2018**



Oleh SITI AMINAH MOHD. YUSOF
Foto MAHIDAH ZAINAL



TUGAS-TUGAS remaja autisme perlu dipantau dari semasa ke semasa supaya segala yang dirancang berjalan lancar.




MOHD. ADLI (kiri) membuka kafe untuk memberi peluang pekerjaan kepada anaknya.

Autism Cafe Project (ACP) yang diperkenalkan sejak tahun 2016 menyediakan peluang pekerjaan dan melatih anak autisme belajar hidup berdikari.

# Latih anak autisme hidup berdikari

PERTAMA kali melihat anaknya **Luqman Shariff**, 19, menyusun satu persatu pinggan yang siap diisi dengan nasi lemak, sambal, timun dan ayam goreng, seperti diminta, **Mohd. Adli Yahya**, 58, terasa ingin melompat kegirangan.

Mahu didakap sekujur tubuh tinggi lampai anak autisme itu dan mengucap kata-kata pujian. Tetapi mengenangkan kafe miliknya pada pagi itu agak sesak dengan pelanggan dia memendam niat tersebut di sebalik senyum lebarnya.

Apatah lagi ia berlaku hanya baru-baru ini selepas kira-kira dua tahun beliau mengusahakan Autism Cafe Project (ACP) yang beroperasi di iMalaysia for Youth (iM4U) Sentral, Puchong, Selangor.

Bekas pengarah eksekutif Yayasan Standard Chartered itu nekad meninggalkan dunia korporat yang telah sebati dengan dirinya sejak tahun 1988 demi masa depan anak kedua daripada enam beradik itu.



KEDUDUKAN kafe yang beroperasi di kompleks iM4U begitu strategik untuk mendekatkan anak-anak autisme kepada masyarakat luar.

Idea yang diketengahkan kafe tersebut ialah mengambil mereka yang senasib dengan anaknya untuk diberi peluang pekerjaan, pada masa sama melatih golongan berkenaan untuk hidup berdikari.

"Saya terfikir mengusahakan perkhidmatan dobi dan mencuci kenderaan namun merasakan ia tidak begitu efektif untuk menggalakkan anak autisme terlibat dalam masyarakat.

"Apabila saya lihat Luqman suka membasuh pinggan naluri saya kuat mengatakan membuka kafe ini satu langkah yang bagus," jelasnya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Paling ramai kafe itu pernah menerima 10 remaja autisme. Namun, bilangannya kini menjadi tujuh orang kerana tiga lagi sudah berkeyakinan untuk keluar bekerja di tempat lain.

Jadual kerja mereka disusun dengan dua orang pekerja istimewa akan bekerja dari pukul 8.30 pagi hingga 1 tengah hari selama lima hari seminggu di samping turut dibantu empat orang sukarelawan.



AHMAD MUZAFFAR



MOHD. ADLI

Mohd. Adli berkata, pembukaan kafe itu diharapkan dapat menjadi pusat latihan persediaan kepada remaja autisme sebelum mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

Ini kerana peluang untuk remaja autisme bekerja di restoran agak sukar berikutan masyarakat belum memahami masalah yang dihadapi golongan ini dan menganggap sukar untuk bekerja dengan mereka.

"Anak saya seorang yang patuh. Dia memahami dan boleh mendengar arahan. Apa yang penting menetapkan rutin untuk mereka melakukan sesuatu. Saya sendiri terkejut apabila anak saya boleh goreng bihun sendiri. Perubahan ini dilakukan secara bertahap.

"Saya tidak mimpikan mereka menjadi eksekutif. Dapat buat kerja begini, Alhamdulillah. Di sini kami sesuaikan kerja mengikut situasi individu jadi mereka tidak tertekan," tutur anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan itu.

## Cabaran

Luqman tidak bercakap sejak berusia tiga tahun dan perkara itu berlanjutan sehingga kini. Dia juga hiperaktif, tidak boleh mendengar bunyi bising, sukar memberi tumpuan dan akan memejamkan mata bila terdedah kepada cahaya matahari.

"Dah lama sangat saya fikir, apa akan jadi padanya apabila suatu hari nanti saya telah tiada. Siapa akan menjaganya nanti?

"Bermacam-macam usaha yang telah dilakukan misalnya mengamalkan cara pemakanan sihat bawa dia menghadiri program intervensi. Lama-lama masalah tersebut beransur hilang. Cuma saya tak bagi dia pil penenang," kongsinya.

Beliau mendedahkan cabaran sebenar bukan datang daripada anak-anak autisme yang baginya begitu tulus dalam mengekspresi dan mudah dijangka tindakan mereka. Tetapi ia lebih kepada insan normal yang tidak begitu memahami isu tersebut.

"Setiap bulan kami memerlukan kira-kira RM4,000 untuk membeli bahan mentah, kos logistik dan sebagainya. Saya teringat detik awal beroperasi di kawasan perumahan kami langsung tidak mendapat pulangan modal.

"Mujur kami dapat tapak daripada iM4U dan tidak perlu bayar sewa. Tempatnya strategik dan kami harap masyarakat dapat maklumat apa yang kami cuba lakukan," ujarnya.

Tambahnya, untuk memastikan kelangsungan projek itu, pihaknya turut mengambil tempahan katering selain membuka kios jualan makanan antaranya di Pusat Perubatan Tropicana serta Pusat Perubatan Park City di Petaling Jaya, Selangor.

## Positif

Lebih menarik, pihaknya telah memulakan projek diberi nama ACP Youth Bazaar yang melibatkan penyertaan anak autisme untuk menjadi tauke dengan menjual barangan yang dihasilkan mereka sendiri seperti gelang manik, biskut, pakaian dan sebagainya.



SHAFURA

Jadual bazar jualan tersebut berubah tempat setiap minggu. Antaranya lokasi ialah pusat beli-belah Evolve Concept serta Glo, Damansara dan pusat beli-belah Melawati.

Bagi seorang pekerja istimewa, **Ahmad Muzaffar Ahmad Fairuz,** 18, dari Shah Alam, Selangor, dia sukar menggambarkan perasaan bekerja di ACP biarpun telah setahun melakukan rutin seperti mengambil dan menghantar pesanan makanan.

"Saya tidak tahu. Tetapi saya suka menonton filem *Star Wars* dan membaca komik," ujarnya serius sambil menjungkit bahu dan disambut ketawa kecil oleh ayahnya, **Ahmad Fairuz Ahmad Seth**, 50, yang datang untuk menjemput anaknya pulang.

Ahmad Fairuz bercerita, anak bongsunya sebelum ini tidak gemar bersosial, sukar didekati dan tiada keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan orang luar sebelum ini.

"Dia agak lambat menyesuaikan diri. Tetapi lama-kelamaan dia semakin seronok datang ke kafe dan awal-awal pagi sudah bersiap untuk ke tempat kerjanya.



SUASANA kafe yang meriah dengan kehadiran pelanggan daripada pelbagai peringkat usia.



LUQMAN merupakan seorang anak yang mendengar kata dan begitu gemar mencuci pinggan.



NASI lemak merupakan menu signature di Autisme Cafe Project.



PEKERJA autisme di ACP turut berbakat membuat kek dengan bantuan sukarelawan.

"Semakin hari dia menunjukkan perubahan positif. Saya teringat dahulu jika diusik di sekolah dia akan diam sahaja tetapi bila pulang dia akan mengamuk tetapi perkara itu tidak lagi berlaku," imbaunya.

Kepada suri rumah yang mempunyai dua anak autisme, **Shafura Redway**, 41, yang menetap di Mildura, Australia sanggup meluangkan masa berkunjung ke ACP kerana begitu terinspirasi dengan apa yang dilakukan Mohd. Adli.

"Saya datang untuk mengucapkan terima kasih. Kami ibu bapa yang memiliki anak autisme ibarat keluarga besar dan saling bertukar pandangan," ujarnya yang telah tinggal di negara kanggaru itu selama 12 tahun.

### INFO Autism Cafe Project

- Menerima tempahan katering untuk jamuan
- Mempunyai lapan pekerja autisme berumur 17 hingga 29 tahun
- Menyediakan menu seperti nasi lemak, bihun goreng, spageti, roti jala, kuih muih dan kek
- Mempunyai tiga kios jualan sekitar [illegible] Puchong, Selangor

- Lokasi: [illegible] Puchong, Selangor
- Telefon: [illegible]
- Facebook: Autism Cafe Project Malaysia

# Badan korporat bantu tingkat kesedaran masyarakat

PENGLIBATAN badan korporat dalam menjalin kerjasama pintar merupakan antara langkah efektif bagi menyokong insan istimewa seperti autisme menempuh kehidupan yang lebih baik dalam jangka masa panjang.

**Pengarah Eksekutif Kumpulan Glomac, Tan Sri Mohamed Mansor Fateh Din** berkata, pihaknya telah menganjurkan Hari Kesedaran Autisme bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap permasalahan dan penglibatan golongan itu dalam masyarakat.



MOHAMED FATEH DIN

Beliau yang lebih dikenali umum sebagai FD Mansor berkata, program kerjasama Glomac Berhad dengan Autism Cafe Project (ACP) dapat menyuntik semangat golongan berkenaan untuk terus berkeyakinan menjalankan tanggungjawab seperti individu normal.

"Kempen diberi nama **Food Fit Fun** itu memberi peluang kepada ACP untuk menyediakan bekalan untuk dijual kepada pengunjung dan kakitangan Glomac.

"Ia merupakan sebahagian daripada kempen yang berlangsung setiap minggu selama tiga bulan yang turut mendapat kerjasama beberapa badan bukan kerajaan seperti Olive House, Zumba Fitness selain KPJ Health Care Klang.

"Inisiatif itu bertujuan memupuk kerjasama warga korporat dengan masyarakat," katanya kepada pemberita pada Hari Kesedaran Autisme di Menara Glomac, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Selain menyediakan menu lazat, ACP turut menjalankan pelbagai aktiviti seperti persembahan nyanyian, jualan barangan dan lelongan amal lukisan karya mereka sendiri.

Tambahnya, Glomac akan terus aktif menganjurkan program sedemikian itu dengan [illegible] berterusan selain gus dapat menyumbang kepada golongan yang memerlukan.